



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (15)

SIARAN MEDIA

AFTER MONSOON PROJECT: TERA-KOTA MENYATUKAN SENI, KOMUNITI DAN ALAM DI KOTA BHARU

25 OKTOBER 2025 – Art Matters Trading, dengan kerjasama Balai Seni Negara melalui Tabung Bantuan Seni (TBS), hari ini merasmikan program **“After Monsoon Project: TERA-KOTA”** yang berlangsung dari **24 hingga 30 Oktober 2025** di **Pantai Pulau Kundur, Kota Bharu, Kelantan**. Perasmian disempurnakan oleh YBrs. Encik Sabri Yunus, seorang pengarah filem dan seniman. Turut hadir ialah YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, serta para penggiat seni.

Program ini merupakan kesinambungan kepada dua edisi terdahulu yang telah berlangsung di Tumpat, Kelantan pada tahun 2023, iaitu *After Monsoon 01* dan *After Monsoon 02*, yang berjaya menarik perhatian peminat seni serta masyarakat setempat. Tahun ini, edisi ketiga mengetengahkan tema “Tanah, Tubuh, Tapak”, yang menelusuri makna *terra* (tanah) sebagai sumber kehidupan dan ruang asal, manakala *kota* melambangkan tubuh sosial hasil pengalaman dan interaksi manusia dengan persekitaran.

Menerusi penyertaan seramai 10 orang seniman, “TERA-KOTA” menghimpunkan unsur seni, warisan dan alam dalam konteks seni kontemporari, menjadikan Pantai Pulau Kundur sebagai ruang seni terbuka yang hidup dan organik. Pendekatan *off-wall* dan *off-pedestal* dalam pameran digunakan bagi memberi kebebasan kepada seniman untuk berinteraksi terus dengan alam sekitar, menjadikan wakaf, halaman rumah dan pantai sebagai ruang instalasi.

Edisi kali ini turut mendapat kerjasama Varna Art Gallery serta Patani Art Space dari selatan Thailand, menjadikannya sebagai wadah penting bagi pertukaran idea, jaringan dan kolaborasi seni serantau.

Selain pameran utama, program ini turut menampilkan acara kenduri (Bekwah), persembahan kebudayaan, dan pembinaan kemudahan tempat bakar seramik (gok)

yang akan dikongsi bersama komuniti tempatan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara seniman dan masyarakat, tetapi turut menonjolkan fungsi seni sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian.

Pemilihan Pulau Kundur sebagai lokasi pameran juga membuka peluang untuk memperkenalkan keunikan kampung nelayan dan komuniti pembuat batik yang aktif di kawasan tersebut. Program ini juga dijangka mampu menarik pelancong tempatan dan antarabangsa, khususnya dari Thailand dan Singapura, sekaligus menyokong usaha memperkasa pelancongan budaya di Malaysia.

“After Monsoon Project: TERA-KOTA” bukan sekadar pameran seni, tetapi merupakan satu usaha menghidupkan semula makna tanah dan tapak sebagai sumber naratif, inspirasi dan jati diri. Ia menggabungkan nilai tradisi, komuniti dan ekspresi kontemporari dalam satu ruang yang menyatukan manusia dengan alam.

Melalui penganjuran ini, ia diharap dapat memperkukuh hubungan antara seni dan masyarakat serta membuka ruang kepada pelancong tempatan dan antarabangsa untuk mengenali keindahan budaya Malaysia dengan lebih dekat. Maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur
Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998
E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my